

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8/5/2012

# Tun M mahu rakyat berfikir secara rasional

BH - 8/5/2012

**A**LOR SETAR: Tun Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat berfikir secara rasional mengenai kesan bakal diterima jika menjatuhkan kerajaan melalui rusuhan sebagaimana yang cuba dilakukan pembangkang melalui perhimpunan BERSIH 3.0, 28 April lalu.

Bekas Perdana Menteri berkata, negara akan terjerumus ke kancah huru-hara berpanjangan jika usaha pihak terbabit berjaya menggulingkan kerajaan dipilih oleh rakyat melalui demokrasi.

"Mereka mahu jadikan negara ini seperti Mesir dan Tunisia yang kerajaannya dijatuhkan melalui rusuhan. Sekarang Syria, bila kerajaan tak jatuh boleh minta kuasa asing tolong jatuhkan tak kiralah guna senjata apa sekali pun.

"Rakyat kena fikir perkara ini dan tak boleh benarkan berlaku dengan memberi kemenangan besar kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang," katanya pada Wacana Negarawan anjuran Persatuan Bekas Wakil Rakyat BN (MUBARAK), di sini, malam kelmarin.

Hadir sama, Pengerusi MUBARAK Kebangsaan, Datuk Seri Abdul Aziz Rahman dan Pengerusi MUBARAK Kedah, Datuk Abdul Rahman Ibrahim.

Dr Mahathir berkata, beliau percaya pembangkang akan terus melakukan pelbagai perkara memburukkan kerajaan selagi matlamat menjatuhkan BN tidak tercapai.

Malah katanya, beliau percaya Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan terus melakukan pelbagai usaha memburukkan kepemimpinan kerajaan bagi memenuhi matlamatnya menjadi



Perdana Menteri.

"Dia disingkirkan kerana ada tabiat buruk. Bila kena buang dia tubuhkan PKR dan akan terus membuat bermacam-macam angkara untuk menjadi Perdana Menteri," katanya sambil meminta rakyat menolak pemimpin yang mempunyai sikap rakus kerana golongan seperti itu tidak layak menerajui negara.

Sementara itu, Dr Mahathir yang juga bekas Presiden UMNO meminta pemimpin dan ahli parti itu membuang sikap suka mencantas hanya kerana mereka tidak terpilih menjadi calon pilihan raya.

Katanya, perbuatan sabotaj itu hanya akan melemahkan BN dan memberi kelebihan kepada pembangkang sebagaimana berlaku pada Pilihan Raya Umum 2008.

Beliau juga mahu anggota MUBARAK bergiat lebih aktif bagi membantu calon BN menang dalam pilihan raya umum nanti bagi memastikan kerajaan menang dengan lebih besar dan selesa untuk terus melaksanakan agenda pembangunan demi faedah rakyat.